

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

13. Daripada jumlah keseluruhan kes kesalahan seksual kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2019, berapakah jumlah kes di mana hasilnya adalah tiada tindakan lanjut (NFA); pelaku dituduh di mahkamah; pertuduhan ditarik balik; pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA); pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh; dan pelaku mengaku salah dan dihukum?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 55 kes keganasan seksual kanak-kanak dilaporkan pada tahun 2019 di Negeri Pulau Pinang. Perincian status dan tindakan kes keganasan seksual kanak-kanak di Pulau Pinang pada tahun 2019 adalah seperti berikut:-

JENIS TINDAKAN	BILANGAN
Tiada tindakan lanjut (NFA)	16
Dalam tindakan PDRM	0
Pelaku dituduh di mahkamah	21
Pertuduhan ditarik balik	7
Pelaku dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA)	0
Pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh	5
Pelaku mengaku bersalah dan dihukum	4
Lepas dan bebas	2
JUMLAH	55